



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN KENINGAU**

Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Beg Berkunci No. 5
89008 Keningau
Sabah

Tel : 087 - 331 245 / 339 960
Faks : 087 - 330 449
Laman Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau

Rujukan : JANM.KNGAU.600-3/1/4 JLD.3 (1)

Tarikh : 21 Februari 2022

Semua Ketua PTJ
Daerah Keningau, Tenom, Tambunan dan Nabawan

Tuan/Puan

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN ("KKS") LEJAR AKRUAN BAGI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ("PKKP") PRA-
PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa KKS Lejar Akruan bagi PKKP Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2021 perlu disediakan bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Ketua Jabatan di PTJ hendaklah memastikan semua dokumen kewangan yang diperlukan bagi tujuan pengauditan adalah lengkap dan sempurna dan disediakan secara *hybrid* iaitu melalui Sistem iAREF dan juga secara manual seperti di Lampiran 1.

3. PTJ perlu mengunci masuk data mengikut kod akaun ke dalam Sistem iAREF dan memuat naik lampiran yang berkaitan seperti perkara di Bahagian A. Lampiran berkaitan boleh dimuat turun di portal JANM Keningau. Manakala bagi perkara di Bahagian B, PTJ perlu mengemukakan dokumen tersebut secara *hardcopy* ke jabatan ini.

4. Proses penyediaan KKS ini hendaklah diselesaikan **selewat-lewatnya 18 Mac 2022 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan pegawai berkaitan.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan dalam mematuhi tarikh akhir yang ditetapkan adalah amat dihargai bagi memastikan penyediaan KKS Lejar Akruan PKKP Tahun 2021 ini berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


(MIRNAWATI BINTI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Keningau

A. Penyediaan dokumen Kertas Kerja Sokongan Akruan melalui Sistem iAREF

BIL	PERKARA	KOD AKAUN	LAMPIRAN TAMBAHAN YANG PERLU DIMUATNAIK KE SISTEM iAREF	RUJUKAN LAPORAN PORTAL iGFMS Tahun Kewangan : 2021 Bulan : 14	PIC KKS
1	Inventori (PTJ Inventori sahaja)	A06* & A07*		Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja/ Aset / Laibilti/ Ekuiti	Unit Akaun Pn. Lenneylia Layun John
2	Aset Belum Bayar	L013*		Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja/ Aset / Laibilti/ Ekuiti	Unit Akaun Pn. Lenneylia Layun John
3	Wang Pendahuluan Kontraktor	A0591101	D3 (B)	Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja/ Aset / Laibilti/ Ekuiti	Unit Akaun Pn. Lenneylia Layun John
4	Akaun Belum Terima <i>Ongoing Receivables</i>	A048*	E5 (A)	Laporan Invois Terperinci	Unit Akaun En. Valentine Tsen
5	Deposit	L11*	N (B)	Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja/ Aset / Laibilti/ Ekuiti & Laporan Kedudukan Baki Subsidiari / Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit	Unit Akaun Pn. Lenneylia Layun John

B. Penyediaan dokumen Kertas Kerja Sokongan Akruan dihantar secara MANUAL (HARDCOPY) ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Keningau

BIL	PERKARA	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL iGFMS	PIC KKS
1	Aset Bukan Kewangan	A14* - A25*	C1	Laporan Baki Aset	Unit Aset En. Md. Zaini bin Md. Latif Pn. Norhaswati binti Ibrahim

Pilihan Tempoh Masa Pelaporan semasa menjana laporan rujukan Portal iGFMS untuk penyediaan KKS. Kunci masuk Tahun Kewangan 2021 dan Bulan 14 dan tekan ' enter '.

The screenshot shows the iGFMS portal interface. At the top, there is a navigation bar with the following menu items: Tugas, Data Induk, Waran, Baucar Jurnal, Perolehan, Pengurusan Arahan Pembayaran, Terimaan, Panjar, Perakaunan Aset, Laporan, and JSM. The 'Laporan' menu is currently selected. Below the navigation bar, there is a sidebar menu with the following items: Data Induk, Transaksi, Laporan Belanja/Hasil, Laporan Aset/Liabiliti/Ekuiti (highlighted), Laporan Ringkasan Hasil, Laporan Waran Peruntuk, Laporan Prestasi Proses, Laporan Kedudukan Vol, Laporan Kedudukan Dan, and Laporan Ringkasan Baki. The main content area displays the 'LAPORAN ASET / LIABILITI / EKUITI' form. The form has a 'Jana' button and a section titled 'PILIHAN TEMPOH MASA PELAPORAN'. The form fields are as follows:

Tahun Kewangan*	2021		
Bulan*	14		
Tempoh*	31.12.2021	Sehingga	
Tarikh Komaskini (AKB sahaja)	01.02.2022	Sehingga	28.02.2022